



PENGUMUMAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH PENDAFTARAN KONTRAKTOR KELAS F UNTUK CABUTAN UNDI BAGI PEROLEHAN KERJA TAHUN 2014

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak **Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah** (PDTSPT) akan menjalankan sesi pendaftaran untuk cabutan undi bagi projek berikut seperti di lampiran

2. Sehubungan dengan itu, semua Kontraktor Kelas F yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Tengah dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) **CE 01, CE21, B04** serta Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dibawah **Gred G1 (Bumiputera) / Kelas F** yang berminat adalah dijemput(tertakluk kepada syarat- syarat di bawah) untuk menghadiri sesi pengundian yang akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:-

TARIKH/ HARI UNDIAN	: 13.08.2014
PENDAFTARAN	: Jam 9.00 pagi – 10.00 pagi
WAKTU MULA UNDI	: Jam 10.15 pagi
TEMPAT	: Bilik Gerakan Wira Bestari, PDTSPT

3. Hanya kontraktor yang berdaftar pada hari tersebut dan **berdaftar dalam sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** sahaja layak untuk diundi bagi perolehan kerja yang disebutkan di atas.
4. Kontraktor yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja undi dimestikan membawa bersama-sama **Sijil Asal PKK, CIDB, SSM dan Salinan Resit Pendaftaran ePerolehan** pada hari pendaftaran tersebut.
5. Wakil tidak di benarkan mengundi.
6. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa yang telah ditetapkan dan sebarang syarat di perkara 2 hingga 5 akan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
7. Sebarang pertanyaan berhubung sesi pendaftaran ini boleh diajukan kepada Penolong Jurutera, Bahagian Pembangunan (04-5402351)

(**HJ. JUSNI BIN HJ. ISMAIL**)
Pegawai Daerah
Seberang Perai Tengah
BUKIT MERTAJAM



/wan

Nota : Janaan computer, tandatangan tidak diperlukan.